

Headline	FRIM sebagai badan pengesahihan dan kawalan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	421 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,962



# FRIM sebagai badan pengesahihan dan kawalan

**T**IMBALAN Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), **Datuk Ir. Hamim Samuri** berkata, terdapat banyak cabaran dalam memastikan keselamatan sumber semula jadi itu dari kepupusan, antaranya kadar pencemaran, hakisan tanah, kurang dokumentasi pengetahuan tradisi dan sebagainya.

Menurutnya, selaras dengan Dasar Biodiversiti Negara, kementeriannya berperanan memastikan keseimbangan sumber semula jadi tidak terancam dan dapat digunakan secara lestari.

“Oleh itu, kementerian sedang berusaha agar FRIM diberi kuasa penuh untuk melaksanakan tugas sebagai badan pengesahihan dan kawalan kualiti bahan mentah herba di negara ini sebelum ia dieksport.

“Diharap dengan penglibatan FRIM dari aspek teknikal dalam pengesahihan, ia dapat mengelakkan pengisytiharan palsu bahan mentah yang dieksport, meningkatkan kualiti bahan mentah yang

dieksport dan mengurangkan atau menghapuskan ancaman kehilangan biodiversiti tumbuhan herba negara.

“Selain itu, ia dapat meningkatkan kepercayaan pasaran dunia terhadap bahan mentah yang dieksport dari Malaysia dan seterusnya dapat menjana pendapatan kepada pihak FRIM” jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, pihaknya telah mengambil langkah baru untuk membantu meningkatkan keupayaan dan pendapatan kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam era bioekonomi.

“FRIM memainkan peranan dalam penyelidikan dan pembangunan serta menjadi rujukan bagi bidang herba dan hasil semula jadi daripada peringkat hulu ke hiliran, termasuk pengurusan sumber biologi, penghasilan bahan mentah berkualiti dan penggunaan teknologi pemprosesan lepas tuai.

“Bukan itu sahaja, FRIM

juga berperanan untuk melaksanakan penilaian biofikasi dan penilaian terapeutik pelbagai spesis tumbuh-tumbuhan, pengekstrakan, pemprofilan dan pemencilan sebatian penanda kimia serta pembangunan dan pengilangan produk herba,” katanya.

Tambahnya, kesedaran mengenai potensi dan penghasilan produk bernilai tinggi berasaskan hasil semula jadi termasuk herba daripada sumber hutan yang mempunyai ciri-ciri berkualiti, selamat dan berkesan perlu diterapkan.

“Kesedaran ini tidak hanya terhad kepada pihak industri kecil dan sederhana, namun juga kepada industri farmaseutikal negara yang masih memfokus ke arah penghasilan ubatan generik.

“Justeru, diharapkan seminar kali ini dapat membuka mata dan peluang kepada semua pihak yang terlibat untuk bertukar-tukar pendapat selain menjalinkan jaringan kerjasama dalam bidang ini,” katanya.

Headline	FRIM sebagai badan pengesahihan dan kawalan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	421 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,962



**USAHA yang dilaksanakan oleh FRIM dan MARA dapat membantu untuk melahirkan lebih ramai usahawan herba tempatan.**